

24 MAY 1996

Mahathir - Syiah

PM MINTA GOLONGAN DALAM IPT HENTI SEBAR FAHAMAN SYIAH

KUALA LUMPUR, 24 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta golongan tertentu di Institusi-institusi Pengajian Tinggi (IPT) tempatan menghentikan segera perbuatan menyebarkan fahaman Syiah kerana ia boleh menimbulkan kekacauan di kalangan umat Islam dan memesongkan aqidah mereka.

Perdana Menteri berkata, kerajaan sedang mengkaji perkembangan kegiatan mereka itu untuk mendapatkan maklumat lanjut sebelum sebarang tindakan diambil.

"Saya minta orang universiti ini jangan timbulkan kekacauan sehingga akan hilang aqidah orang Islam di Malaysia. Perbuatan yang seumpama ini tak baik," katanya ketika ditanya pemberita di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang, sekembalinya dari lawatan kerja 12 hari ke luar negara.

Dr Mahathir diminta mengulas kenyataan Pusat Islam baru-baru ini yang mendakwa mempunyai bukti bahawa IPT menjadi pusat penyebaran fahaman Syiah di negara ini.

Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak menganggap Syiah sebagai bukan Islam tetapi sudah terlalu banyak contoh yang menunjukkan pergaduhan mudah berlaku jika pegangan rakyat sesebuah negara berbeza iaitu Ahli Sunnah Wal Jamaah pada satu pihak dan Syiah pada satu pihak yang lain.

"Yang terbaru sekali di Bahrain di mana rusuhan berlaku oleh dua pihak ini. Oleh itu perlu ada satu ajaran sahaja iaitu bagi kita Ahli Sunnah Wal Jammah. Tapi kalau masuk Syiah jadi masalah," katanya.

Dr Mahathir berkata, umat Islam di Malaysia sudahpun secara jelas menerima bahawa mereka berpegang kepada ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Katanya, pegangan kuat umat Islam di negara ini kepada ajaran itu telah banyak menyumbang kepada tiadanya berlaku perselisihan faham antara mereka sekurang-kurangnya dalam perkara-perkara berhubung dengan tafsiran.

-- BERNAMA.

AH AHH